



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 17 NOVEMBER 2025**

| BIL. | TAJUK KERATAN AKHBAR                                                                            | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------|
| 1.   | GALAK URUS NIAGA TANPA TUNAI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 19                                     | AGROBANK                       |
| 2.   | PERTANDINGAN AQUACULTURE ASPIRE 2025<br>AGROBANK, KOMUNITI KITA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 30      |                                |
| 3.   | JOHOR TERAJUI SEKTOR PERTANIAN NEGARA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 5                   | LAIN – LAIN                    |
| 4.   | DURIAGRO TUMPU RAJA KUNYIT, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 23                                      |                                |
| 5.   | SIJIL HALAL BANTU IDHAS INDUSTRY TEMBUSI PASARAN LEBIH LUAS, RINGGIT, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 19 |                                |

**UKK KPKM**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

| TARIKH     | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 17/11/2025 | HARIAN METRO | LOKAL   | 19         |

# Galak urus niaga **tanpa** tunai

Program Cashless Agrobank di Kampung Warna Warni galak komuniti beralih bayaran digital

Oleh Aizat Sharif  
am@hmetro.com.my

Kangar

Dalam usaha menyokong agenda pendigitalan negara, Agrobank turut menyantuni masyarakat luar bandar terutama komuniti nelayan dengan membawa wadah urus niaga tanpa tunai dalam kehidupan seharian.

Menerusi Program Cashless Agrobank yang dijalankan di Kampung Warna Warni di Seberang Ramai, Kuala Perlis, ia dilihat mampu memudahkan urus niaga melalui penggunaan DuitNow QR Agrobank sekain menggalakkan peniaga kecil dan komuniti setempat beralih kepada pembayaran digital.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program berkenaan seiring dengan agenda nasional serta usaha Bank Negara Malaysia (BNM) memperluaskan penggunaan pembayaran digital yang selamat dan efisien.

"Ini seiring dengan agenda nasional dan usaha BNM memperluaskan penggunaan pembayaran secara digital serta tanpa tunai yang lebih selamat dan efisien.

"Setakat ini, 90 peratus peniaga di Kampung Warna Warni sudah pun beralih kepada penggunaan QR Agrobank," katanya.



TENGGU Ahmad Badli Shah (enam dari kiri) mengiringi Tuanku Syed Faizuddin merasmikan Lorong Agro pada Majlis Pelancaran Lorong Agrobank di Kampung Warna Warni, Seberang Ramai, Kuala Perlis. - Gambar NSTP/AIZAT SHARIF

Beliau berkata demikian menerusi satu kenyataan media selepas menghadiri Majlis Pelancaran Lorong Agrobank di Kampung Warna Warni di Seberang Ramai, Kuala Perlis di sini, semalam.

Pelancaran disempurnakan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang berkenan berangkat ke program berkenaan.

Katanya, perasmian Lorong Agrobank dalam kam-

**"Setakat ini, 90 peratus peniaga di Kampung Warna Warni sudah pun beralih kepada penggunaan QR Agrobank"**

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin

pung itu inisiatif usaha membaikpulihkan kawasan sekitar Kampung Warna Warni yang kian menjadi destinasi pelancongan

domestik dan antarabangsa di Perlis.

"Inisiatif ini merangkumi penghasilan dua mural, penaiktarafan beberapa

buah rumah serta tembok dan pagar sekitarnya, pemasangan parasol penjaja serta pembaikan taman permainan kanak-kanak.

"Malah, usaha ini diharapkan dapat memacu kegiatan ekonomi setempat dan meningkatkan daya tarikan Kampung Warna Warni sebagai destinasi agro-pelancongan.

"Melalui gabungan pendigitalan pembayaran, pembabitn komuniti dan usaha membaikpulihkan

kawasan setempat, Agrobank komited untuk menyediakan platform yang lebih kondusif bagi pembangunan ekonomi dan komuniti luar bandar," katanya.

Ahmad Badli berkata, langkah ini juga dapat mengukuhkan mandat Agrobank sebagai institusi kewangan pembangunan (DFI) dalam memodenkan ekosistem pertanian dan meningkatkan kemampuan komuniti agro.

Terdahulu, Ahmad Badli mengiringi baginda merasmikan Lorong Agrobank di kampung itu yang menjadi laluan pelancong dalam menjelajah kampung berkenaan.

Selain itu, baginda turut menyantuni masyarakat di kampung itu selain beramah mesra dengan pelancong yang tiba di kampung untuk bersiar-siar dan melawat tempat menarik serta menjalankan aktiviti kampung yang disediakan.

Projek DiRaja Program Transformasi Kampung Warna-Warni Seberang Ramai Kuala Perlis adalah inisiatif Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Yayasan Tuanku Syed Putra Perlis dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan korporat bagi melaksanakan penambahbaikan menyeluruh bagi kampung berkenaan.

Selaras dengan inisiatif penempatan mengikut pelan tindakan agihan holistik MAIPs 2.0.



| TARIKH     | MEDIA           | RUANGAN       | MUKA SURAT |
|------------|-----------------|---------------|------------|
| 17/11/2025 | UTUSAN MALAYSIA | KOMUNITI KITA | 30         |

## Pertandingan Aquaculture Aspire 2025 Agrobank

AGROBANK baru-baru ini meraikan kejayaan para pelajar sekolah menengah dalam bidang akuakultur melalui Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Aquaculture Aspire 2025 yang mengiktiraf usaha dan kreativiti mereka dalam projek penternakan ikan tilapia berasaskan teknologi bioflok.

Pertandingan itu merupakan kesinambungan Program Aquaculture Aspire Agrobank yang dilancarkan pada 2024, sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) Agrobank dengan kerjasama Kementerian

Pendidikan. Berlangsung dari Mei hingga September 2025, ia melibatkan 10 buah sekolah di Semenanjung di mana pelajar melaksanakan projek penternakan ikan tilapia menggunakan teknologi bioflok dan internet kebendaan (IoT).

■ KETUA Pegawai Pembangunan Agrobank, Ahmad Ariff Abu Bakar menyampaikan replika cek kepada wakil Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Perpatih, Gemas, Negeri Sembilan yang dinobatkan sebagai juara Pertandingan Aquaculture Aspire 2025.



Transformasi pertanian, agromakanan dipacu teknologi, R&D dan wira tani negeri

# Johor terajui sektor pertanian negara

**Oleh YB DATO' ZAHARI SARIP**  
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian,  
Industri Asas Tani dan  
Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor

**JOHOR** terus membuktikan keunggulannya sebagai peneraju utama sektor pertanian negara. Berdasarkan statistik terkini Banci Pertanian DOSM, Johor kekal di tangga teratas dengan nilai jualan pertanian RM27.2 bilion, eksport pertanian RM23.96 bilion, serta nilai jualan Industri Asas Tani (IAT) tertinggi Malaysia sebanyak RM348 juta.

Prestasi cemerlang ini menjadikan Johor penyumbang terbesar kepada KDNK pertanian Malaysia dengan sumbangan sebanyak 17.3 peratus.

Terima kasih kepada semua para petani, penternak, nelayan Johor dan pengusaha sektor pertanian dan agromakanan keseluruhannya! Mereka adalah wira sebenar di sebalik kejayaan yang terus menjadi kebanggaan Bangsa Johor.

## BELANJAWAN JOHOR 2026: PEMBANGUNAN SEKTOR PERTANIAN

Seiring dengan potensi dan pencapaian cemerlang ini, Kerajaan Negeri Johor terus memberi keutamaan yang tinggi terhadap pembangunan sektor pertanian dan agromakanan sebagai teras utama kepada kesejahteraan rakyat serta pemacu ekonomi negeri. Johor bukan sahaja berhasrat untuk menjadi "food basket" kepada Malaysia, malah bersedia melangkah lebih jauh sebagai "food bank" kepada negara-negara serantau dan antarabangsa.

Alhamdulillah, menerusi Belanjawan Johor 2026 yang dibentangkan oleh YAB Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz Ghazi sekali lagi meletakkan sektor pertanian sebagai antara fokus strategik negeri.

Peruntukan besar berjumlah RM48.24 juta merangkumi 25 inisiatif utama adalah bukti komitmen kerajaan untuk memperkukuh ekosistem pertanian Johor secara menyeluruh, daripada pengeluaran, teknologi, penyelidikan, pemasaran hinggalah kepada bekalkan petani, penternak dan nelayan.

Antara program terbesar dalam belanjawan tahun hadapan ialah Jualan Kasih Johor dengan peruntukan RM15.4 juta, melibatkan 266 lokasi di seluruh negeri. Program ini terus menjadi platform utama membantu rakyat mendapatkan barang keperluan makanan asas pada harga lebih istimewa, khususnya dalam suasana kos sara hidup yang semakin mencabar.



**BELANJAWAN Johor 2026 yang dibentangkan oleh Onn Hafiz Ghazi sekali lagi meletakkan sektor pertanian sebagai antara fokus strategik negeri dengan peruntukan berjumlah RM48.24 juta.**



Pada masa yang sama, Bantuan Kasih Johor berjumlah RM13.6 juta akan disampaikan kepada lebih 33,000 petani, penternak dan nelayan sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan Negeri terhadap wira-wira tani Johor atas sumbangan besar golongan ini kepada pembangunan sektor pertanian, bekalan makanan dan kestabilan ekonomi negeri.

## J-ARDC: TONGGAK R&D PERTANIAN NEGERI

Belanjawan 2026 juga mengukuhkan pendekatan Johor ke arah pertanian moden dan berasaskan teknologi melalui peruntukan RM2 juta bagi pembangunan Johor Agriculture Research & Development Centre (J-ARDC).

Pusat penyelidikan ini akan menjadi hab kolaborasi antara kerajaan dan industri dalam memacu inovasi melalui pembangunan teknologi tanaman moden, analitik data pertanian serta penyelesaian berasaskan sains yang memberi impak langsung kepada produktiviti di lapangan.

J-ARDC akan menjadi institusi pelengkap kepada usaha menjadikan pertanian Johor lebih produktif dan berdaya saing di peringkat global. Ia turut menyokong strategi pembangunan sektor pertanian di bawah Agenda Maju Johor serta Dasar Agromakanan Negara.

## PELABURAN GLC DALAM PERTANIAN MODEN

Kerajaan Negeri juga terus menggalakkan penglibatan GLC dalam menggerakkan transformasi pertanian moden. Pelaburan GLC

bukan sahaja mempercepatkan amalan teknologi moden, malah membuka ruang kerjasama strategik bersama usahawan tani untuk beralih kepada sistem pengeluaran yang lebih moden, berskala dan berdaya saing.

Sebanyak RM5 juta dilaburkan oleh GLC negeri (Kulim Malaysia Berhad) bagi melaksanakan projek pertanian bersepadu moden, termasuk teknologi Fertigasi berskala besar, rumah hijau pintar, automasi ladang, penggunaan dron dan sistem IoT bagi pemantauan tanaman.

Pendekatan ini menyasarkan peningkatan produktiviti, pengurangan kos operasi dan pengeluaran hasil berkualiti tinggi.

Selain itu, peruntukan khas untuk mekanisasi teknologi dan automasi menerusi Jabatan Pertanian akan memperkukuh lagi keupayaan petani untuk meningkatkan produktiviti, mengurangkan kebergantungan tenaga kerja serta mengoptimumkan operasi ladang secara lebih efisien dan moden.

## DURIAN & NANAS JOHOR: KOMODITI IKONIK DIPERKUKUH

Johor terus unggul sebagai pengeluar terbesar buah-buahan negara, termasuk durian dan nenas. Melalui peruntukan RM1 juta, Kerajaan Negeri menerusi Johor Biotech, Jabatan Pertanian, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan FAMA komited untuk memperkukuh strategi penjenamaan dua komoditi ini agar terus mengekalkan status sebagai ikon pertanian Johor di peringkat domestik dan antarabangsa.

Nanas MD2 dan durian premium seperti Musang King serta varieti tempatan berkualiti tinggi kini menjadi penyumbang penting kepada pasaran eksport negara, dan Johor bertekad untuk berada di hadapan dalam penerokaan peluang ini.

## PENTERNAKAN & PERIKANAN TERUS DIPACU

Sektor penternakan dan perikanan terus diberi tumpuan melalui peruntukan RM1.8 juta bagi subsektor penternakan dan RM2.2 juta untuk subsektor perikanan. Johor merupakan salah satu penyumbang utama ruminan negara, selain mencatatkan pengeluaran akuakultur sebanyak 32,992 metrik tan, sekali gus mengukuhkan kedudukan negeri sebagai penyumbang utama protein segar negara.

Pembangunan industri ini akan turut diselaraskan dengan sasaran pertumbuhan subsektor di bawah Agenda Keterjaminan Makanan Johor, termasuk peningkatan 62% pengeluaran akuakultur dan 34.5% populasi ruminan menjelang 2027.

Usaha memperkukuh subsektor penternakan ini turut diperkaya melalui pembangunan industri tenusu berskala besar di Jemaluang Dairy Valley (JDV), Mersing. Dengan sasaran penghasilan purata 7.9 juta liter susu setahun dalam tempoh 5 tahun pertama, JDV bakal menjadi pemangkin utama peningkatan pengeluaran industri tenusu negara.

Belanjawan Johor 2026 bukan sekadar peruntukan kewangan, tetapi merangka hala tuju menyeluruh untuk membawa sektor pertanian negeri ini berada pada landasan moden, lebih produktif, dan mampan.

Dengan dokongan kukuh para petani, penternak, nelayan, usahawan tani, agensi kerajaan, GLC serta pihak industri, Johor berada pada posisi tepat untuk terus muncul sebagai Hab Agromakanan Negara dan Serantau.

Insyallah, kita akan terus bergerak sebagai satu pasukan demi mengangkat martabat sektor pertanian dan keterjaminan makanan negeri ini kekal utuh untuk manfaat bersama.

## 17.3%

### SEKTOR PERTANIAN JOHOR

Merekodkan sumbangan tertinggi (17.3%) kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sektor Pertanian Malaysia Tahun 2024

## RM27.2 bilion

Johor catat nilai jualan tertinggi dalam Sektor Pertanian Negara

### BELANJAWAN PEMBANGUNAN SEKTOR PERTANIAN

## RM48.24 juta

### RM13.6 juta

Bantuan Kasih Johor (RM400)  
33,976 Petani, Penternak & Nelayan

### RM15.4 juta

Jualan Kasih Johor  
366 Lokasi

### RM5 juta

Projek Pembangunan Pertanian bersepadu Moden

### RM4.5 juta

Program Memperkasa Industri Agromakanan Utama & Sawah Padi

### RM2 juta

Penubuhan Johor Agriculture Research & Development Centre (J-ARDC)

### RM1 juta

Program Memperkasa Pertanian Pintar & Mekanisasi Pertanian

### RM1 juta

Program Penjenamaan Durian & Nanas Johor

### RM500 ribu

Program Karnival Pertanian Negeri Johor

### RM1.8 juta

Pembangunan Industri Penternakan

### RM2.2 juta

Pembangunan Industri Perikanan

### RM500 ribu

Pembangunan Industri Lada

### RM500 ribu

Program Johor Agripro Latihan & Pembangunan Usahawan Tani

### RM200 ribu

Program Kolaborasi Agromakanan



Oleh Sri Ayu  
Kartika Amri  
kartika@mediapri-  
ma.com.my

Kuala Lumpur

GUNA TEKNOLOGI BANTU PENJAGAAN DURIAN PREMIUM

# Duriagro tumpu Raja Kunyit

**D**uriagro Berhad (Duriagro) terus mengukuhkan kedudukan dalam pasaran eksport durian dengan memberi tumpuan terhadap durian premium, Raja Kunyit dan Musang King yang ditanam di ladang seluas 3,200 ekar (1294.9 hektar) di Kuala Krai dan Gua Musang, Kelantan.

Ketua Pegawai Eksekutif Duriagro, Ng Lee Chin berkata, kawasan di Kelantan dipilih kerana tanahnya sesuai untuk Raja Kunyit yang dianggap antara paling bernilai dalam pasaran durian tempatan dan antarabangsa.

Menurutnya, pasaran utama durian keluaran Duriagro adalah China yang menyumbang sebahagian besar permintaan terhadap durian premium Malaysia.

"Kami memberi tumpuan kepada Raja Kunyit kerana asalnya dari Kelantan, tanah dan cuaca di sini sangat sesuai untuk menghasilkan buah berkualiti tinggi," katanya.

Menurutnya, permintaan dari China meningkat setiap tahun kerana penggemar durian di sana semakin menghargai rasa dan kualiti durian Malaysia.

Ng berkata, industri durian berskala besar menuntut pelaburan modal tinggi dengan kos penyelenggaraan tahunan mencecah RM7 juta hingga RM8 juta.

"Justeru, kami mula meneroka penggunaan teknologi seperti penggunaan dron bagi memantau kesihatan pokok dan meningkatkan kecekapan ladang," katanya.

Beliau berkata, penggunaan teknologi itu pada masa ini sangat membantu kerja penjagaan pokok durian termasuk penyemburan baja foliar dengan lebih cepat, terutama ketika mu-



NG menunjukkan durian Raja Kunyit yang sudah berputik di ladang Duriagro.

sim hujan apabila pekerja tidak dapat masuk ke kawasan tanaman.

"Dron bukan saja meningkatkan kecekapan, malah membantu mencegah penyakit dan memastikan setiap pokok menerima dos rawatan yang betul.

"Kami juga bekerjasama dengan universiti tempatan seperti Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam penyelidikan pertanian untuk mempertingkatkan hasil," katanya.

Selepas tujuh tahun membangunkan operasi, Duriagro kini bersedia memperluas perniagaan melalui segmen konsultasi pertanian untuk membantu pengusaha baharu dalam industri durian.

"Kami sudah mempunyai

menyokong ladang berskala besar," katanya.

Selain tumpuan eksport, syarikat turut merancang membina pusat pengumpulan buah bagi melancarkan operasi pasaran domestik dan memastikan bekalan stabil.

Ng mengakui industri durian berdepan cabaran dari segi kesedaran pasaran antarabangsa terhadap varieti premium Malaysia serta persaingan daripada negara jiran seperti Thailand.

"Raja Kunyit lebih mahal iaitu kira-kira 10 peratus daripada Musang King kerana tekstur dan rasanya yang lebih halus tetapi untuk kekal berdaya saing, kami perlu pastikan kualiti dan hasil ladang sentiasa konsisten.

"Kami percaya durian Malaysia terus gah di peringkat global dengan penggunaan teknologi moden, amalan pertanian baik dan strategi eksport yang tersusun," katanya.

Duriagro juga sedang meneroka peluang menembusi pasaran Eropah dan Timur Tengah, selain memperkenalkan produk nilai tambah seperti durian sejuk beku dan snek berasaskan durian bagi mengurangkan pembaziran selepas penuaian.

DURIAN Raja Kunyit dapat perhatian ramai penggemar durian di China.

sumber dan kepakaran sendiri dalam memberi khidmat rundingan kepada peladang lain, malah tahun ini juga kami akan membuka kedai baja khas bagi





# Sijil halal bantu Iddas Industry tembusi pasaran lebih luas

**PETALING JAYA:** Iddas Industry Sdn. Bhd. yang bermula secara kecil-kecilan pada 2012 memperkukuhkan jenamanya di pasaran tempatan sebagai produk makanan yang bersih, selamat setelah menerima pengiktirafan halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Sebagai tanda konsistensi terhadap kualiti dan pematuhan halal, Iddas Frozen Food telah dua kali memperbaharui sijil halalnya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Hamidah Sulaiman berkata, perniagaan mereka bermula dengan menghantar kuih ke pasar pagi Gerik dan kantin sekolah.

"Kami mula serius apabila mengikuti kursus anjuran Jabatan Pertanian Perak pada 2019 mengenai pemprosesan sejuk beku. Dari situ, kami berani membuka kedai di Gerik Perak. "Pembukaan kedai fizikal ini turut dipacu oleh permintaan produk yang semakin meningkat, termasuk penembusan ke pasar raya tempatan seperti TF Value Mart.

"Memandangkan kami dah mula jual di pasaran rasmi, kami

perlu mendapatkan sijil halal, kerana pengeluaran di rumah tidak dibenarkan untuk pen-sijilan rasmi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mengulas lanjut, Hamidah berkata, perjalanan untuk mendapat pengiktirafan halal bukan mudah.

"Tiga bulan selepas pembukaan kedai, kami menghadapi cabaran besar apabila Covid-19 melanda.

"Kedai saya hampir terpaksa ditutup, namun bantuan dari-pada Jabatan Pertanian dan su-rat sokongan dari Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) membolehkan kami terus menjalankan penge-luaran bersama anak-anak wa-laupun kedai ditutup semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

Tambah Hamidah, permohonan sijil halal telah dibuat awal, namun audit tidak dapat dijalankan kerana sekatan pan-demik.

"Kami sabar menunggu dan apabila PKP dilonggarkan, ba-rulah audit dapat dijalankan. Alhamdulillah, kami berjaya mendapat sijil halal meskipun



**HAMIDAH Sulaiman merancang untuk menambah lebih banyak produk baharu untuk menembusi pasaran antarabangsa.**

ketika pandemik melanda. Sijil

halal ini kami uruskan sendiri tanpa bantuan geran atau pe-

juga penentu keyakinan pelang-gan dan standard kualiti produk.

"Dengan sijil halal, prosedur operasi standard (SOP) pengelu-aran dan keyakinan pelanggan meningkat. Cabarannya termasuk pertukaran pembekal bahan mentah yang kadang-kadang tidak memperbaharui sijil ha-lal, jadi kami perlu sentiasa me-mastikan sumber bahan mentah adalah sah dan halal," ujarnya.

Iddas Industry kini bercadang untuk menembusi pasaran anta-rabangsa dengan produk baharu seperti pau berintikan dendeng, daging masak hitam, ayam ma-sak merah, *blueberry* dan man-gga harumanis.

Hamidah menekankan kepentingan halal sebagai asas untuk memastikan setiap ma-kanan yang disediakan adalah halal dan toyiban, dengan sumber bahan mentah yang jelas dan di-sahkan halal.

Dengan perjalanan 14 tahun yang penuh cabaran ini, Iddas Industry membuktikan baha-wa kesabaran, kepatuhan ke-pada standard halal dan kualiti produk adalah kunci untuk membina perniagaan makanan yang dipercayai pelanggan.